

# Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan ‘Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur’an Sainifik di Negara Brunei Darussalam

Sarinah Yahya<sup>1</sup>

<sup>1</sup>(Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam)

**ABSTRAK:** Usaha pentafsiran al-Qur’an secara saintifik dilihat semakin berkembang seiring dengan lonjakan penggunaan teknologi dan penyebarannya melalui media. Beberapa penulisan Tafsir al-Qur’an Sainifik atau Tafsir ‘Ilmi juga didapati semakin banyak diterbitkan dan menarik perhatian masyarakat. Dari sini timbul keperluan penyemakan berterusan dan pengawalan ketat terhadap penerbitan tersebut agar tidak dicemari elemen-elemen yang tidak sepatutnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan integrasi ilmu naqli dan ‘aqli dalam kurikulum pengajian tinggi menerusi pengajaran dan penyelidikan yang berkaitan dengan Tafsir ‘Ilmi. Fokus kajian tertumpu di Negara Brunei Darussalam khususnya di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Kajian lebih kepada meneliti sejarah perkembangan Tafsir ‘Ilmi dan keberadaannya di Brunei. Antara hasil kajian mendapati penyelidikan berkaitan Tafsir al-Qur’an Sainifik di Brunei masih kurang dan ini memerlukan penambahbaikan kurikulum pengajian bidang Usuluddin pengkhususan bidang Tafsir al-Qur’an. Juga keperluan penyertaan aktif para ahli akademik dan mahasiswa/i dalam menjalankan kajian berunsur Tafsir ‘Ilmi. Secara tidak langsung, usaha ini akan turut dapat membangun ketamadunan Islam di alam Melayu dengan meninggikan kedudukan bidang pengajian al-Qur’an ke martabat yang selayaknya.

**KATA KUNCI** – Tafsir, Sainifik, ‘Ilmi, ‘Aqli, Brunei

---

## 1. PENDAHULUAN

Pentafsiran al-Qur’an secara saintifik berlangsung seiring dengan kemajuan ilmu dan modenisasi intelek. Sungguhpun kedudukannya berada antara golongan pro dan kontra, trend pentafsiran saintifik atau lebih dikenali dengan istilah “Tafsir ‘Ilmi” ini boleh diterima baik dengan syarat menepati prinsip ketat yang telah digariskan oleh para ulama agar tidak tersasar jauh dari landasan tafsir al-Qur’an yang sebenar.

Rasulullah s.a.w. menerima wahyu Allah s.w.t. sebagai kitab panduan yang memberi hidayah bagi seluruh alam. Allah menegaskan hal ini dalam firmanNya:

﴿وَلَقَدْ جِئْتَهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ٥٢﴾

Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya Kami telah mendatangkan kepada mereka sebuah kitab (al-Qur’an) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu atas dasar pengetahuan (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman”. [1]

(Surah al-A‘raaf, 7: 52)

Selain hidayah dan petunjuk, al-Qur’an juga merupakan mukjizat teragung Baginda Nabi s.a.w. Antara aspek kemukjizatan kitab suci ini ialah ilmu yang terdapat di dalamnya melangkaui tahap yang boleh dicapai oleh manusia. Allah s.w.t. berfirman:

﴿قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفَذَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ١٠٩﴾

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Kalaulah (air) lautan itu dijadikan dakwat untuk (menulis) kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimah-kalimah Tuhanku walaupun Kami mendatangkan yang serupa dengannya sebagai tambahan".”

(Surah al-Kahfi, 18: 109)

Pelbagai ilmu terkandung di dalam al-Qur'an yang sebahagian besarnya masih tidak diketahui hakikatnya selain Allah s.w.t. sahaja yang Maha Mengetahui. Namun dalam era perkembangan penyelidikan moden dan ledakan kemajuan teknologi terkini, banyak penemuan ilmu yang tersingkap bertepatan dengan apa yang termaktub di dalam al-Qur'an. Antaranya adalah penemuan ilmu sains yang selalunya didakwa hasil pelopor ahli sains Barat. Hakikatnya semua ilmu adalah milik Allah s.w.t. dan manusia mendapatkannya hanya dengan izinNya jua.

### 1.1 Korelasi Antara Al-Qur'an dengan Sains

Islam memandang tinggi martabat ilmu dan ulama. Ini dibuktikan dari sejak turunnya wahyu pertama yang menjadikan kriteria pembacaan sebagai asas ilmu; khususnya dalam mengenali Tuhan (Surah al-'Alaq, 96: 1-5). Allah s.w.t. juga menekankan perkara ini dalam firmanNya:

﴿ يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ﴾

Maksudnya:

“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat”.

(Surah al-Mujadalah, 58: 11)

Allah s.w.t. berfirman lagi:

﴿ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ۙ ﴾

Maksudnya:

“Katakanlah adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)”.

(Surah al-Zumar, 39: 9)

Dalam konteks sains dalam al-Qur'an, terdapat banyak ayat-ayatnya yang menyebutkan tentang ilmu yang tidak mampu dicapai oleh akal manusia. Al-Qur'an mengandungi tiga unsur tema utama iaitu aqidah, hukum-hakam syari'at dan akhlak yang boleh diambil dari kisah-kisah umat terdahulu. Dalam ketiga-tiga unsur ini termasuk juga ayat-ayat berkaitan alam semesta. Untuk memahami ayat-ayat ini memerlukan kepada kefahaman ilmu sains. Dengan erti kata lain, al-Qur'an mengandungi maklumat sebagai petunjuk atau isyarat mengenai perkara-perkara yang menjadi bidang tumpuan kajian sains. [2]

Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang kejadian alam adalah seperti penciptaan langit dan bumi, penciptaan manusia, kejadian tumbuh-tumbuhan dan banyak lagi.

### 1.2 Ayat-Ayat Kawniyyat

Apabila membicarakan tentang pentafsiran al-Qur'an secara saintifik, ia setentunya berkaitan dengan ayat-ayat *Kawniyyat* (الكَوْنِيَّات). Perkataan *Kawniyyat* diambil daripada perkataan “*al-Kawn*” (الكَوْن) yang bermaksud sesuatu yang wujud secara mutlak dan umum. [3] Ia adalah alam semesta dan darinya timbul ilmu kosmologi; iaitu salah satu bidang falsafah yang mengkaji asal usul, proses, dan struktur alam semesta. [4]

Bicara soal ayat-ayat *Kawniyyat* dalam topik *Tafsir 'Ilmi* ini, ia terbahagi kepada dua pengertian. Pertama, secara literal ayat di sini bermaksud alamat atau tanda. Maksud ayat *Kawniyyat* menurut pengertian pertama ini adalah tanda-tanda kejadian dan kewujudan alam semesta yang menunjukkan kepada kebesaran dan kehebatan Penciptanya. Manakala pengertian kedua pula bermaksud kalam Allah di dalam al-Qur'an yang menyebut tentang alam semesta. Maka sebenarnya *Tafsir 'Ilmi* lebih menjurus kepada pengertian kedua; iaitu mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang kejadian alam semesta. Dengan tidak secara langsung, ini juga bermakna *Tafsir 'Ilmi* mengisyaratkan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. menerusi penciptaan alam.

Al-Qur'an mengandungi banyak ayat yang menyebutkan tentang kejadian alam semesta. Tidak dapat dipastikan berapakah jumlah ayat *Kawniyyat* yang pasti. Tantawi Jauhari [5] telah menyebutkan bahawa terdapat lebih daripada 750 ayat *Kawniyyat*. Mustafa Muslim [6] pula menyatakan lebih daripada 900 ayat *Kawniyyat* dan

## *Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

Zaghlul al-Najjar [7] pula menganggarkan kira-kira 1000 ayat *Kawniyyat* termaktub di dalam al-Qur'an. Dari perbezaan pernyataan bilangan ini, Ahmad Bazli dan Zulkarnain [8] menyimpulkan bahawa yang demikian itu adalah hasil penyingkapan makna ayat-ayat al-Qur'an seiring dengan peredaran zaman dan kemajuan ilmu pengetahuan serta teknologi yang belum diterokai sebelum itu.

### 1.3 Definisi Tafsir 'Ilmi

Istilah *Tafsir 'Ilmi* (تفسير علمي) terdiri daripada dua patah perkataan. Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai makna berasingan secara khusus dan apabila ditemukan ia bermaksud satu pengertian yang lain pula. Selanjutnya ia menjadi satu istilah moden bagi suatu ilmu yang berkaitan dengan tafsir al-Qur'an.

Tafsir menurut bahasa ialah penerangan dan penjelasan (الإيضاح والتبيين). Firman Allah s.w.t.:

﴿ وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ۝ ٣٣ ﴾

Maksudnya:

“Dan mereka (orang-orang kafir) tidak mendatangkan kepadamu sesuatu yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami membawakan kepadamu kebenaran dan sebaik-baik penjelasan (untuk menangkis segala apa yang mereka katakan)”.

(Surah al-Furqaan, 25:33)

Dari sudut istilah pula, tafsir merupakan suatu ilmu yang menghuraikan dan membahaskan tentang apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. melalui ayat-ayatNya sesuai dengan kadar kemampuan atau tahap pemikiran manusia. Ianya merangkumi semua cabang ilmu yang berkaitan dengannya dalam memahami makna dan menerangkan apa yang dimaksudkan. [9]

Sementara perkataan *'Ilmi* (علمي) berasal daripada kata *'ilm* (علم) yang secara umum bermaksud ilmu pengetahuan. Dalam konteks perbahasan *Tafsir 'Ilmi* ini, ia merupakan kata sifat bagi tafsir. *'Ilm* adalah kata terbitan yang bermaksud kefahaman dan pengetahuan. *'Ilm* dalam konteks mudah bermaksud sains; iaitu ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Ia juga adalah satu cabang ilmu pengetahuan berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata, seperti ilmu fizik, kimia, biologi dan lain-lain. [10] Ilmu sains juga adalah satu kumpulan ilmu yang tersusun dan teratur berkaitan dengan fenomena alam tabi'i; sama ada yang bernyawa atau pun tidak, dengan kaedah yang objektif melalui kajian eksperimental dan cerapan untuk menghasilkan prinsip dan kenyataan yang boleh dipercayai dan dapat diuji kebenarannya. [11] Fahd al-Rumi [12] menjelaskan bahawa *'Ilm* ialah ilmu pengetahuan yang eksperimental dan apa yang berkaitan dengannya daripada ilmu tabi'i yang terdapat dalam kejadian alam semesta (*al-Kawn*) seperti fizik, kimia, geologi, biologi, oseanografi, astronomi dan sebagainya. [13]

Menurut Azizan Baharuddin [14], perkataan sains pada asasnya diambil daripada Bahasa Inggeris “*science*” yang asalnya Bahasa Latin “*Scientia*” bermaksud ilmu (*'ilm*). Ilmu sains dalam al-Qur'an digambarkan melalui ayat-ayat *Kawniyyat*. Sebaliknya, dalam bidang sains konvensional, istilah sains tersebut merujuk kepada ilmu dan maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian terhadap seluruh alam ini secara bersistem.

Dari definisi dua perkataan *Tafsir* dan *'Ilmi* di atas, maka gabungan istilah *Tafsir 'Ilmi* pula bermaksud satu metodologi dalam mentafsirkan al-Qur'an dengan menyingkap hubungan antara ayat-ayat al-Qur'an berkaitan alam semesta (ayat-ayat *Kawniyyat*) dengan penemuan kajian ilmu sains teori dari aspek menzahirkan *I'jaz* al-Qur'an dan membuktikan sumber aslinya serta relevansinya pada setiap zaman dan tempat. Kebenaran penemuan saintifik dalam ayat-ayat al-Qur'an itu pula tidak diketahui pada zaman turunnya wahyu. [15] Al-Khalidi [16] memberikan takrif yang lebih harmoni bagi *Tafsir 'Ilmi*; iaitu sebuah trend pentafsiran al-Qur'an secara ilmiah yang bertepatan dengan kaedah-kaedah ilmu sains moden dan penjelasan ciri-ciri kandungan saintifik bagi ayat-ayat al-Qur'an selaras dengan ketentuan dan analisis sains moden. [17]

Justeru, *Tafsir 'Ilmi* bukan sekadar membincangkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan penciptaan alam semesta, malah lebih dari itu. *Tafsir 'Ilmi* menzahirkan kebenaran al-Qur'an dan ilmu sains menjadi bukti keabsahannya sebagai penguat hakikat kebenarannya.

#### **1.4 Tafsir 'Ilmi dan I'jaz 'Ilmi**

Wujud salah faham dan kekeliruan seputar perbahasan Tafsir 'Ilmi dan I'jaz 'Ilmi. Ramai kalangan pengkaji ilmu Tafsir menganggap Tafsir 'Ilmi adalah I'jaz 'Ilmi dan begitu juga sebaliknya. Mereka meletakkan kedua-duanya dalam satu perbahasan tanpa membezakannya. Ini seperti yang dilakukan oleh Fadhl Hasan 'Abbas [18] dan al-Rumi [19]. Kekeliruan ini perlu diambil perhatian serius dan diberi solusi pencerahan tentang perbezaan kedua-dua istilah ilmu tersebut. Yusuf al-Qaradhawi [20] adalah antara ilmuan yang memberikan penekanan terhadap perkara ini apabila beliau mengkhususkan satu sub tajuk khusus bagi menyatakan perbezaan *Tafsir 'Ilmi dan I'jaz 'Ilmi*.

Ruang lingkup *Tafsir 'Ilmi* adalah terlalu luas, manakala *I'jaz 'Ilmi* pula lebih khusus dan mendalam skop perbincangannya. Bukanlah setiap *Tafsir 'Ilmi* itu adalah *I'jaz 'Ilmi*, akan tetapi setiap *I'jaz 'Ilmi* itu memang menggunakan metode *Tafsir 'Ilmi* [21]. Akan tetapi, wujud kajian dan penulisan dalam skop *I'jaz 'Ilmi* yang tidak menggunakan metode *Tafsir 'Ilmi* yang sepatutnya. Perkara inilah yang menjadi masalah kekeliruan dalam menzahirkan metode *Tafsir 'Ilmi* yang sebenar dan menepati kaedah serta syarat-syaratnya.

*I'jaz* secara ringkas bermaksud sesuatu yang melemahkan sesuatu yang lain. Dalam ertikata *I'jaz* al-Qur'an pula, ia bermaksud aspek kemukjizatan al-Qur'an yang melemahkan manusia untuk mendatangkan serupa dengan al-Qur'an. Ia adalah apa yang ada pada al-Qur'an hingga dapat melemahkan sesiapa saja yang mencabar, menentang dan enggan mempercayainya serta menjadi mukjizat Nabi s.a.w. hingga akhirat. Kemudian istilah *I'jaz al-Qur'an* ini menjadi satu ilmu yang khusus membahaskan kehebatan al-Qur'an sebagai mukjizat agung Nabi s.a.w. [22].

Secara ringkas, *Tafsir 'Ilmi* adalah salah satu metode untuk mencapai tahap *I'jaz 'Ilmi*. Tanpa menggunakan metode *Tafsir 'Ilmi*, kemukjizatan al-Qur'an dari aspek saintifik dan ilmiah tidak dapat dibuktikan. Inilah titik kekeliruan yang selalu menyebabkan ramai yang tergelincir dalam menjelaskan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an berkaitan alam semesta.

## **2. INTEGRASI ILMU NAQLI DAN 'AQLI DALAM KURIKULUM PENGAJIAN TINGGI**

Ilmu berteraskan wahyu atau naqli termaktub dalam al-Qur'an dan juga al-Sunnah melalui konsep *tadabbur* al-Qur'an. Di sebalik proses *tadabbur* ini, tersirat ilmu 'aqli menerusi usaha manusia mengikut keupayaan fikiran dan pemerhatian individu. Kesepaduan dua elemen ilmu naqli dan 'aqli ini menghasilkan integrasi ilmu yang mantap berperanan sebagai panduan kehidupan yang lebih terjamin. Namun dengan ledakan kemajuan akhir zaman kini, walau ilmu dilihat semakin berkembang, akan tetapi seakan ilmu naqli terpisah daripada ilmu 'aqli. Situasi ini dikenali dengan istilah dualisme dalam sistem Pendidikan [23]. Menurut Zetty Nurzuliana Rashed dan Ab. Halim Tamuri [24] sistem dualisme ini digunakan oleh kebanyakan negara Islam yang memberi impak kepada kewujudan dua generasi yang saling bertentangan dalam pembangunan masyarakat. Ini memerlukan usaha menggabungkan kembali ilmu naqli dan 'aqli menjadi satu integrasi ilmu yang sebenar. Misalnya ilmu sains yang sering diagungkan lahirnya saintis Barat yang menafikan atau langsung mengeneppikan dalil dan bukti dari al-Qur'an. Walhal al-Qur'an mengandungi kesemua ilmu yang sebahagiannya baru sekarang dibuktikan oleh para saintis Barat [25].

Titik pertemuan integrasi ilmu naqli dan 'aqli dengan pelbagai disiplin ilmu yang lain boleh diwujudkan melalui pengumpulan ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadis serta perkaitannya dengan sesuatu ilmu 'aqli seperti sains kemanusiaan, sains fizik atau kimia, perubatan dan sebagainya sebagaimana pendapat Asma Ismail [26]. Cetusan idea ini sebenarnya sudah wujud sekian lama dalam pengajian Islam, hanya saja tiada istilah khusus bagi menjenamakannya sebagai satu model ilmu integrasi [27]. Islam tidak meminggirkan ilmu-ilmu duniawi, malah menganjurkan keseimbangan antara hal ehwal duniawi dan ukhrawi seperti yang termaktub dalam firman Allah s.w.t.:

﴿وَأَبْنِعْ فِيْمَا ءَاتَاكَ اللهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ ۝۷﴾

Maksudnya:

*Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

*“Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan”.*

(Surah al-Qasas, 28: 77)

Sistem kurikulum pendidikan dunia masa kini dilihat telah dipengaruhi oleh fahaman rasionalisme yang menolak fahaman agama yang seterusnya telah melahirkan sekularisme dalam sains, iaitu pemisahan sains dengan teologi. Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad [28] berpendapat bahawa fahaman ini amat bertentangan dengan Islam yang mengintegrasikan rasionalis dan meletakkannya di bawah fahaman dan penguasaan agama. Sains hanya akan berlandaskan fahaman materialisme menurut fahaman ini yang bertujuan untuk mencapai kemajuan hidup manusia semata-mata. Ini juga terhad kepada pembangunan kebendaan dan perubahan alam sekitar melalui sains dan teknologi. Pengajaran mula difokuskan kepada sains sosial dan sains natural yang lebih terarah kepada aspek duniawi yang materialistik dan dipisahkan daripada sains ketuhanan yang memandu kepada ukhrawi yang bersifat spiritual.

Oleh kerana itu, usaha ke arah pengintegrasian dan menemukan kembali jarak pemisahan ini semakin melangkah dan bergerak hebat. Dalam perkembangan bidang pengajian tinggi, hal ini telah terlaksana di beberapa buah institusi seluruh dunia. Universiti al-Azhar sebagai institusi pengajian tinggi tertua dan terkenal telah mewujudkan beberapa fakulti berteraskan pengajian sains dan teknologi dengan menggabungkan aspek sains ketuhanan dengan aspek sains sosial dan sains natural. Misalnya fakulti perubatan, kejuruteraan, mekanikal dan sebagainya telah melaksanakan kurikulum integrasi ilmu naqli dan 'aqli. Ilmu pengajian Islam diadakan dalam kurikulum pengajian bidang-bidang sains dan teknologi ini sebagai kursus tambahan. Bahkan mewajibkan kursus al-Qur'an dan hafazan sebagai kursus teras yang wajib lulus [29].

Antara contoh institusi pengajian tinggi yang lain di sebelah Nusantara pula, beberapa universiti di Malaysia telah mula ke hadapan dalam aspek integrasi ilmu naqli dan 'aqli ini. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) misalnya dengan falsafahnya mengintegrasikan ilmu naqli dan 'aqli digabungkan bersama sifat ulung tunjang ke arah pembentukan generasi gemilang dan masyarakat berpengetahuan tinggi, dilihat sebagai model integrasi ilmu naqli dan 'aqli yang berjaya bagi institusi pengajian tinggi. Visi USIM adalah mengintegrasikan ilmu naqli dan 'aqli untuk mentransformasikan dan mencipta nilai untuk negara, ummah dan manusia sejagat. USIM aktif menjalankan penyelidikan dalam bidang sains Islam dan mempraktikkan garapan kedua-dua bidang ilmu naqli dan 'aqli [30]. Universiti Malaya (UM) juga turut tidak ketinggalan dalam melestarikan penyelidikan al-Qur'an dan al-Hadis dengan sains. Menurut Ishak Suliaman [31] interaksi antara pengajian Islam dan Sains telah bermula di UM khususnya di Akademi Pengajian Islam (APIUM) bukan saja dalam bentuk projek penyelidikan saintifik, malah juga dilaksanakan dalam peringkat program Ijazah Dasar; iaitu melalui program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains dalam lima pengkhususan (Bioteknologi, Genetik dan Biologi Molekul, Sains Biokesihatan, Alam Sekitar, Fizik) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat. Sementara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula penyelidikan sains dan al-Qur'an pesat berkembang sejak tahun 2000an lagi di bawah Institut Islam Hadhari UKM. Ia meliputi penyelidikan multidisiplin dalam bidang sains dan al-Qur'an, etika alam sekitar dalam kalangan masyarakat Islam, etika bioteknologi, falak dan astronomi, pendidikan sains dan tingkah laku masyarakat Islam terhadap produk sains. Dalam penyelidikan sebegini, para penyelidik berusaha menyatupadukan antara sains dengan Islam melalui perbandingan teori oleh sarjana Islam dan pendekatan saintifik. Kajian seperti ini dijalankan di bawah naungan fikrah “Sains Tauhidik” iaitu cetusan idea yang telah dicadangkan oleh Tan Sri Prof. Dr Mohd Kamal Hassan dan seterusnya dikembangkan oleh ahli Fizik muslim Prof. Dr Khalijah Mohd Salleh dan Prof. Dr Mohd Yusof Hj Othman. Tiga entiti utama dalam pembangunan Sains Tauhidik ialah Allah swt, manusia dan alam. Perkaitan koheren antara ketiga-tiga entiti ini menjadi teras utama dalam pembangunan Sains Tauhidik [32].

Dari beberapa contoh ini, jelas bahawa integrasi ilmu naqli dan 'aqli dalam kurikulum Pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi direalisasikan dalam bidang kajian dan kurikulum pengajian bidang Tafsir al-Qur'an saintifik atau *Tafsir 'Ilmi*.

## **2.1 Kurikulum Tafsir al-Qur'an Saintifik dalam Pengajaran Bidang Tafsir UNISSA**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai universiti kedua di Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan sejak 2007 berhasrat menjadi hub pengajian tinggi Islam di Asia seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik UNISSA 2019-2023. Pengajian bidang Tafsir di UNISSA ditawarkan dalam program Sarjana Muda dan Sarjana Usuluddin di bawah Fakulti Usuluddin, UNISSA. Kursus-kursus bidang Tafsir ditawarkan dalam beberapa semester pengajian dalam peringkat Sarjana Muda selama empat tahun dan peringkat Sarjana secara kursus dan penyelidikan selama dua tahun iaitu dua semester untuk pengajian kursus. Kesemua kursus adalah dalam bahasa Arab.

Berkenaan dengan skop kajian Tafsir al-Qur'an saintifik atau *Tafsir 'Ilmi*, ia tidak diajarkan dalam satu kursus yang khusus. Hanya terdapat satu kursus yang berkaitan secara langsung dengan topik *Tafsir 'Ilmi* iaitu kursus **UT 6304 Al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Qur'an al-Karim** الإعجاز العلمي في القرآن الكريم. Matlamat kursus ini ialah memberikan pelajar satu gambaran menyeluruh tentang keajaiban al-Qur'an dari pelbagai sudut, dengan fokus mendalam kepada *al-I'jaz al-'Ilmi* dengan menggunakan fakta-fakta ilmiah dan saintifik. Juga menarik perhatian kepada yang paling penting dalam mentafsirkan ayat-ayat berkenaan dengan alam semesta dan diri manusia dalam al-Qur'an untuk memahami matlamat dan dimensi ayat-ayat tersebut. Kandungan kursus ini merangkumi definisi mukjizat, sekilas pandang tentang *al-I'jaz al-Bayani* (الإعجاز البياني), definisi *al-I'jaz al-'Ilmi* dan pandangan ulama mengenainya, ayat-ayat *Kawniyyat* dan hubungannya dengan fakta saintifik, kriteria *al-I'jaz al-'Ilmi*, beberapa contoh seperti permulaan alam semesta dan pengakhirannya, langit dan bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, laut, sungai, awan, hujan, guruh dan kilat, haiwan, manusia, rahim dan kejadian perkembangan janin, hakikat cap jari dan lain-lain lagi [33].

Bagi pendapat penulis, kursus peringkat sarjana ini lebih memfokuskan kepada topik *I'jaz 'Ilmi* dan bukannya *Tafsir 'Ilmi*. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, kedua-dua skop adalah berlainan walaupun saling berkaitan antara satu sama lain. Setelah diteliti isi kandungan kursus-kursus Tafsir yang lain, penulis dapati kursus **Ut4303 Manahij Al-Tafsir Wa Ittijahatuha** مناهج التفسير واتجاهاته mengajarkan sedikit sebanyak tentang metodologi *Tafsir 'Ilmi*. Akan tetapi, perbahasannya terhad diajarkan di bawah tajuk *al-Manhaj al-Tajdidi* atau metodologi moden dalam pentafsiran al-Qur'an. Ini jelas dalam salah sebuah rujukan utama bagi kursus ini menyebutkan bahawa antara trend dan metode pentafsiran al-Qur'an pada era moden ialah *Tafsir 'Ilmi*. Trend ini semakin mendapat perhatian masa kini atas sebab kemajuan intelek dan penemuan ilmiah dalam pelbagai disiplin ilmu; seperti ilmu falak, geologi, astronomi, psikologi, zoologi dan sebagainya [34].

Selaras dengan signifikansi *Tafsir 'Ilmi* pada zaman mutakhir ini, amat perlu untuk diperbanyakkan lagi pengajarannya, khususnya bagi para pelajar bidang Tafsir di institusi pengajian tinggi. Pun begitu, mengambil kira kepadatan waktu tempoh pengajian, pengenalannya sebagai salah satu sub topik dalam dua kursus berkaitan yang telah disebutkan sebelum ini dilihat memadai. Akan tetapi, perlu kepada memperbanyakkan lagi dari aspek penyelidikannya pula. Sama ada penyelidikan para mahasiswa peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, atau penyelidikan para ahli tenaga akademik.

## **2.2 Penyelidikan Tafsir 'Ilmi**

Memandangkan bidang *Tafsir 'Ilmi* ini kelihatan sesuatu yang baru di Negara Brunei Darussalam, penyelidikan berkaitan dengannya didapati masih kurang dan agak ketinggalan dari negara-negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia. Indonesia umpamanya telah memiliki sebuah penerbitan *Tafsir 'Ilmi* yang merupakan bentuk kerjasama antara Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama Republik Indonesia dan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI). Kerjasama ini telah terjalin sejak 11 tahun yang lalu, iaitu dari tahun 2004. Pada mulanya, *Tafsir 'Ilmi* ini berintegrasi dengan *Tafsir Tahlili* (2004-2008), dan mulai tahun 2009 hingga saat ini *Tafsir 'Ilmi* disajikan per tema [35].

Penyelidikan dan penerbitan *Tafsir 'Ilmi* Indonesia ini adalah salah satu kegiatan Bidang Pengkajian Al-Qur'an di bawah organisasi dan tata kerja Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an Kementerian Agama RI. Tafsir ini

*Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

memfokuskan kepada kajian saintifik terhadap ayat-ayat *Kawnniyyat* dalam al-Qur'an. Setakat ini beberapa tajuk *Tafsir 'Ilmi* telah dibincangkan dari perspektif al-Qur'an dan sains dan diterbitkan seperti dalam senarai jadual yang berikut:

**Jadual 1**  
**Senarai Tajuk Buku Tafsir 'Ilmi Kemenag RI [36]**

No.	Tajuk Buku	Tahun Terbitan
1	Penciptaan Jagat Raya	2010
2	Penciptaan Bumi	2010
3	Penciptaan Manusia	2010
4	Tumbuhan	2011
5	Kiamat	2011
6	Haiwan	2012
7	Kisah Para Nabi Pra-Ibrahim	2012
8	Seksualitas	2012
9	Manfaat Benda-Benda Langit	2012
10	Makanan dan Minuman	2013
11	Samudra	2013
12	Waktu	2013
13	Air	2014
14	Jasad Renik	2015
15	Kepunahan Makhluk Hidup	2015
16	Eksistensi Kehidupan di Alam Semesta	2015
17	Cahaya	2016
18	Gunung	2016
19	Fenomena Kejiwaan	2016
20	Penciptaan Manusia (Edisi Semakan)	2016
21	Haiwan (Edisi Semakan)	2016

Beberapa pihak lain juga turut membantu penyusunan buku Tafsir Ilmi Kemenag RI ini selain dengan LIPI. Antaranya Lembaga Penerbangan dan Antariksa Nasional (LAPAN), Universitas Gajah Mada (UGM) Yogyakarta dan Observatorium Bosscha Institut Teknologi Bandung (ITB) [37]. Gabungan kerjasama yang terjalin ini menunjukkan bahawa antara syarat utama pentafsiran al-Qur'an saintifik telah ditepati oleh pihak Republik Indonesia; iaitu perlu dilaksanakan oleh ahli yang bekepakaran dalam bidang Tafsir al-Qur'an dan juga ilmu sains yang berkaitan.

Di Malaysia pula, selain penyelidikan ilmiah di peringkat universiti seperti yang lazimnya dilakukan oleh institusi pengajian tinggi, terdapat juga beberapa penyelidikan dan penerbitan yang diusahakan oleh institusi lain. Antaranya buku "*Natural Science from the Worldview of Al-Quran*" tulisan Profesor Ulung Tan Sri Dr Kamal Hassan, Mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Selain itu, Profesor Ulung Tan Sri Dr Kamal Hasan juga telah menjalankan satu projek bersama Institut Terjemahan Negara (ITBM) dan lebih 100 orang saintis daripada pelbagai disiplin ilmu seperti fizik, biologi dan kimia dalam mengupas ayat-ayat *Kawnniyyat* dalam al-Qur'an sebagai satu bentuk pendekatan tadabbur alam sains atau pendekatan sains tauhidik [38].

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga turut tidak ketinggalan dan aktif terlibat dalam penyelidikan berkaitan al-Qur'an dan sains melalui Pusat Penyelidikan Sains dan Alam Sekitar IKIM (KIAS). Kolaborasi penyelidikan diusahakan bersama beberapa pusat, institusi dan universiti dalam bidang sains dan agama secara holistik. Sebagai institusi *public scholarship*, IKIM juga melibatkan diri bersama masyarakat melalui media dalam isu-isu terpilih sains dan masyarakat melalui slot Islam & Sains. Pelbagai program seminar dan

## *Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

muzakarah pakar dan penerbitan buku-buku berkaitan isu-isu sains, kesihatan, alam sekitar dan Islam juga dijalankan [39].

Sementara di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam sewajarnya menjadi tempat penyelidikan *Tafsir 'Ilmi* bercambah di Bumi Darussalam. Namun, penyelidikan bidang *Tafsir 'Ilmi* di UNISSA setakat ini belum banyak dilaksanakan. Kalau pun ada, hanya dalam skala yang sangat kecil sebagai projek mahasiswa, hasil kerja kursus latihan ilmiah tahun akhir dan disertasi sarjana.

Sebagai contoh projek mahasiswa Fakulti Usuluddin pada tahun 2016 dalam program *Suhwatul Ummah (Awakening The Ummah)* anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Keagamaan dan Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar. Antara objektif program ini adalah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, selain menyahut visi dan misi UNISSA untuk menjadikan para mahasiswa dan mahasiswi bergiat aktif dan kreatif dalam mengadakan program-program berunsur keagamaan. Mereka juga dapat mempraktikkan ilmu-ilmu yang telah disampaikan kepada mereka di dalam kelas untuk dikongsikan bersama dengan orang ramai dengan cara yang betul agar dapat dipraktikkan di dalam kehidupan seharian [40]. (Pelita Brunei, 2016). Dalam program ini, para pelajar Fakulti Usuluddin telah mengadakan satu ruang pameran bertemakan al-Qur'an dan sains yang dinamakan "Makmal Sains Usuluddin" bertujuan menghuraikan kaitan ayat-ayat al-Qur'an dan kejadian alam semesta [41]. Hasil projek ini juga telah dibentangkan dalam Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah (SAPLI 2016) yang diadakan di UNISSA.

Manakala hasil kerja kursus latihan ilmiah bagi para pelajar Fakulti Usuluddin tahun akhir, kebanyakannya lebih menjurus kepada bidang *Tafsir Mawdu'ie* bagi beberapa topik antaranya seperti *الحيوان في القرآن الكريم* dan *القرآن الكريم*. Metode dan kandungan hasil latihan ilmiah ini tidak begitu menampakkan sisi kajian *Tafsir 'Ilmi* yang sebenar. Terdapat satu kajian lapangan untuk kursus latihan ilmiah ini telah dijalankan bagi mengetahui tahap pengetahuan mahasiswa UNISSA terhadap *Tafsir 'Ilmi*. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar peringkat sarjana muda di UNISSA terhadap *Tafsir 'Ilmi* adalah lemah dan majoriti mereka mencadangkan agar pengajaran Tafsir ini dapat diadakan dalam bentuk seminar atau melalui program keagamaan dan sebagainya [42].

Sementara disertasi sarjana pula, ada beberapa tajuk kajian berkaitan *Tafsir 'Ilmi*, antaranya seperti tajuk *عدة المرأة وتحديد نوع الجنين بين الإسلام والعلم والحديث* ('Iddah Wanita dan Penentuan Jantina Janin Menurut Pandangan Islam dan Sains Moden). Kajian ini membincangkan dua topik utama iaitu menyingkap rahsia perbezaan tempoh 'iddah wanita mengikut situasi dan penentuan jantina janin dari aspek agama Islam dan perspektif sains. Antara yang menarik dibincangkan ialah isu pengklonan yang berkaitan dengan topik penentuan sifat janin. Hasil kajian ini merumuskan bahawa perbezaan 'iddah wanita mengandungi rahsia dan hikmah tersirat dari segi kesihatan, perubahan, sosial, psikologi dan kekeluargaan. Kajian juga mencapai hasil rumusan bahawa majoriti ulama Islam mengharamkan pengklonan gen normal manusia yang berkaitan dengan isu penentuan jantina dan sifat janin. Kajian ini memaparkan penemuan-penemuan sains moden yang mengukuhkan kemukjizatan al-Qur'an secara saintifik [43]. Penulis berpendapat bahawa kajian sarjana ini tidak begitu menjurus kepada metode *Tafsir 'Ilmi*. Ia lebih kepada kajian perbandingan antara al-Qur'an dan ilmu sains serta menzahirkan sisi *al-I'jaz al-'Ilmi* dalam isu yang diketengahkan.

Contoh tajuk disertasi sarjana lain seperti *التغذية في القرآن الكريم دراسة موضوعية* (Nutrisi dalam al-Qur'an al-Karim: Kajian Tematik) membincangkan tentang kepentingan nutrisi dan diet seimbang berdasarkan al-Qur'an untuk mencapai kesihatan yang baik dan mendapat perlindungan daripada penyakit. Pengkaji topik ini menghuraikan beberapa jenis makanan yang disebutkan dalam al-Qur'an seperti tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, daging dan minuman serta faedah bagi tiap-tiap kategori sumber nutrisi ini [44]. Penulis mendapati kajian ini hanya kajian berbentuk tafsir tematik dengan memasukkan faedah dari segi kesihatan secara ringkas dan kurang mendalam.



## *Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam melalui Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS)<sup>1</sup> telah mengorak langkah awal apabila mencadangkan penerbitan buku *Tafsir 'Ilmi*. Ia dihasratkan menjadi wadah yang memuatkan penulisan ilmiah yang berhubung kait dengan al-Qur'an sekali gus menjadi rujukan bahan ilmiah dan terbitan kerjasama negara-negara anggota MABIMS. Projek penyelidikan ini mewujudkan satu jawatankuasa pandu dalam pelaksanaan penerbitan Tafsir 'Ilmi Negara-Negara Anggota MABIMS, dan juga dua peringkat keanggotaan iaitu pentadbir dan pakar dalam usaha menghasilkan penulisan bersama. Rasional penyelidikan dan penerbitan buku *Tafsir 'Ilmi* ini ialah untuk [45]:

1. Mempertingkatkan kefahaman al-Qur'an melalui *Tafsir 'Ilmi* kepada umat Islam dan masyarakat awam di negara-negara anggota MABIMS
2. Menambah sumber rujukan dan korpus ilmiah *Tafsir 'Ilmi* dengan kerjasama negara-negara anggota MABIMS
3. Menjadi platform dan wadah bagi proses dan penyaluran serta perkongsian ilmu penulisan atau kajian ahli-ahli akademik dan pensyarah dari institusi pengajian tinggi negara-negara anggota MABIMS.

UNISSA turut tidak ketinggalan dalam projek penyelidikan ini dengan pelantikan penulis sebagai ahli Jawatankuasa Penerbitan Tafsir Ilmi MABIMS (KHEU/BAM/MABIMS/15/2014 23 Mac 2019) dan juga dilantik sebagai Ahli Delegasi bagi Negara Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Penerbitan Tafsir Ilmi MABIMS yang telah diadakan pada 10 Julai 2019 di Negara Brunei Darussalam (KHEU/BAM/MABIMS/11/2014 PT.11 03 Julai 2019).<sup>2</sup> Penyelidikan awal ini akan mengambil masa selama lebih kurang satu tahun dengan tajuk pertama berkenaan dengan penciptaan manusia. Kemudian akan diikuti dengan tajuk-tajuk yang lain. Harapan projek penyelidikan ini menjadi usaha murni Negara-Negara Anggota MABIMS dalam misinya yang berterusan bekerjasama ke arah mempertingkatkan kefahaman al-Qur'an kepada umat Islam dan masyarakat awam.

### 3. KESIMPULAN

Metodologi Tafsir secara saintifik atau *Tafsir 'Ilmi* diterima sebagai salah satu daripada metode pentafsiran al-Qur'an masa kini. Namun di sebalik penerimaannya, perlu dilaksanakan pengesahan autoriti

---

<sup>1</sup> MABIMS atau nama penuhnya Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura merupakan suatu bentuk kesepakatan serantau yang bergerak atas dasar keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara-negara anggota. Menteri-Menteri Agama yang memikirkan perlunya ada kerjasama yang rapat antara negara-negara anggota MABIMS dalam bidang keagamaan ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Yang Terhormat Haji Munawir Sjadzali M.A Menteri Hal Ehwal Agama, Republik Indonesia dan Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. MABIMS mula ditubuhkan pada Hari Isnin, 5 Muharram 1410 bersamaan 7 Ogos 1989 dengan mengadakan pertemuan yang pertama di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Sejak penubuhannya hingga kini, kesepakatan ini dianggotai oleh empat buah negara yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura. Visi MABIMS ialah mengukuhkan lagi kesatuan dan menjadikan umat Islam di Negara Anggota MABIMS umat yang progresif yang cintakan kedamaian dan keharmonian yang membawa rahmat kepada seluruh alam serta menjadi rujukan bagi pembangunan umat Islam di dunia. Sementara misi MABIMS pula ialah meningkatkan tahap kerjasama dalam membangun umat Islam di Negara Anggota MABIMS (dalaman) dari aspek-aspek daya tahan keagamaan dan mutu kehidupan beragama serta kesejahteraan sosio-ekonomi dan meningkatkan peranan MABIMS dalam program-program pembangunan dan kemanusiaan di luar rantau MABIMS (luaran) demi memperkukuh imej Islam yang positif di mata dunia. <http://www.mabims.gov.bn/SitePages/Pengenalan.aspx>.

<sup>2</sup> Sebelum ini Jawatankuasa Ad-hoc Penyelaras Penerbitan Tafsir Ilmi Negara Anggota MABIMS bagi Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan dengan penulis sebagai ahli di dalamnya (KHEU/BAM/MABIMS/11/2014 PT.7 05 Mac 2018). Kemudian penulis bersama dua orang pensyarah UNISSA *takhassus* bidang Tafsir di Fakulti Usuluddin telah dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Penyelidikan Penerbitan Tafsir Ilmi Negara Anggota MABIMS bagi Negara Brunei Darussalam sebagai pengkaji dan penulis (KHEU/BAM/MABIMS/11/2014 PT.7 03 September 2018).

## *Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

ilmuan *Tafsir 'Ilmi* yang menepati kriteria dan syarat pentafsiran al-Qur'an saintifik. Perbezaan *Tafsir 'Ilmi & I'jaz 'Ilmi* juga perlu dititikberatkan agar metode *Tafsir 'Ilmi* tidak bercelaru walaupun kedua-duanya saling berkait rapat. Di samping itu, penyemakan berterusan perlu ditingkatkan dan mengawal ketat penulisan Tafsir al-Qur'an Saintifik demi menjaga kesucian Kalam Allah daripada dicemari elemen-elemen yang tidak sepatutnya. Oleh kerana itu, zaman kini berhajat kepada keperluan penerbitan yang mengetengahkan tafsiran saintifik ayat-ayat al-Qur'an dengan memastikan kesahihan metodologi pentafsiran secara *Tafsir 'Ilmi*. Antara usaha yang diharapkan juga adalah memasukkan integrasi ilmu naqli dalam kurikulum pendidikan, terutama dalam mata pelajaran berkaitan sains agar nilai *Tafsir 'Ilmi* itu dapat dimanifestasikan dengan jayanya, lebih-lebih lagi di peringkat pengajian tinggi dan seterusnya di peringkat global.

### RUJUKAN

- [1] Terjemahan makna ayat-ayat al-Qur'an dalam artikel ini adalah merujuk kepada *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya* (Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 2014).
- [2] Mohd Ridhuan Tee Abdullah & Redwan Yasin, Sains dan Islam: Memanfaatkan Sains bagi Memartabatkan Islam, *Kertas kerja seminar Majlis Ilmu*, Brunei, 2014, [www.majlisilmu.gov.bn/kertas kerja/kertas kerja 2014/Sains dan Islam.pdf](http://www.majlisilmu.gov.bn/kertas%20kerja/kertas%20kerja%202014/Sains%20dan%20Islam.pdf).
- [3] *Al-Mu'jam al-Wasit* Istanbul: Dar al-Da'wah, t.t.).
- [4] *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- [5] Tantawi Jawhari, *Al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004).
- [6] Mustafa Muslim, *Mabahith fi I'jaz al-Qur'an* (Damsiyq: Dar al-Qalam, 2005).
- [7] Al-Najjar, Zaghul, *Min Ayat al-I'jaz al-'Ilmiyy fi al-Qur'an al-Karim* (Kaherah: Maktabat al-Shuruq, 2012).
- [8] Ahmad Bazli Ahmad Hilmi & Zulkarnain Zakaria, Pendekatan Tafsir 'Ilmi dalam Penterjemahan Makna Ayat Kawniyyat: Kajian Terhadap Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu, *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*, Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia, 2015.
- [9] Al-Zahabi, Muhammad Husayn, *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (Iran: Avand Danesh LTD, 2005).
- [10] *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- [11] Sulaiman Noordin, *Sains, Falsafah dan Islam* (Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993) & Mazlan Ibrahim, *Sejarah & Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy* (Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2002).
- [12] Al-Rumi, Fahd bin 'Abd al-Rahman bin Sulayman, *Dirasat fi 'Ulum al-Qur'an* (Riyadh: t.p, 2005).
- [13] Ahmad Bazli Ahmad Hilmi & Zulkarnain Zakaria, Pendekatan Tafsir 'Ilmi dalam Penterjemahan Makna Ayat Kawniyyat: Kajian Terhadap Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu, *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*, Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia, 2015.
- [14] Azizan Baharuddin, Islam Liberalisasi: Isu, Ancaman, Cabaran dan Usaha Membendunginya – Pengalaman Malaysia, *Kertas Tema Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali ke-43 Negara-Negara Anggota MABIMS*, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, 2018.
- [15] Abu Hajar, Ahmad 'Umar, *Al-Tafsir al-'Ilmi li al-Qur'an al-Karim* (Beirut: Dar Qutaybah, 1991).
- [16] Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah, *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirun* (Damsiyq: Dar al-Qalam, 2012).
- [17] Ahmad Bazli Ahmad Hilmi & Zulkarnain Zakaria, Pendekatan Tafsir 'Ilmi dalam Penterjemahan Makna Ayat Kawniyyat: Kajian Terhadap Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu, *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*, Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia, 2015.
- [18] Abbas, Fadhl Hassan & 'Abbas, Sana' Fadhl, *I'jaz al-Qur'an al-Karim* (Jordan: Dar al-Furqan, 1999).
- [19] Al-Rumi, Fahd bin 'Abd al-Rahman bin Sulayman, *Dirasat fi 'Ulum al-Qur'an* (Riyadh: t.p., 2005).
- [20] Al-Qaradhawi, Yusuf, *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an*. Ed. 5. Mesir: Dar al-Shuruq, 2006).
- [21] Al-Qaradhawi, Yusuf. (2006). *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an*, Ed. 5 (Mesir: Dar al-Shuruq, 2006).
- [22] Sarinah Yahya, Pemahaman Tafsiran Tersirat dari Tersurat Wasilah Tadabbur al-Qur'an Menerusi Corak Tafsir Tahlili, dalam Sedek Ariffin, Khadher Ahmad, Selamat Amir (Ed.), *Tadabbur al-Quran Isu dan Cabaran Semasa* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016).
- [23] Hj Sarinah binti Hj Yahya, Integrasi Ilmu dalam Kurikulum Pengkhususan Tafsir di Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam, *Proceeding SEIPTI*. International Conference on Integration of Contemporary and Islamic Knowledge in Islamic Universities 12-14 Dec 2015, Indonesia, Universitas Darussalam Gontor, 2015.
- [24] Zetty Nurzuliana Rashed dan Ab. Halim Tamuri, Melahirkan Generasi Al-Quran Melalui Kurikulum Pendidikan Integrasi dan Holistik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Jld. I. Isu II, 2014. <http://www.rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2015/01/JP1011.pdf>.
- [25] Hj Sarinah binti Hj Yahya, Integrasi Ilmu dalam Kurikulum Pengkhususan Tafsir di Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam, *Proceeding SEIPTI*. International Conference on Integration of Contemporary and Islamic Knowledge in Islamic Universities 12-14 Dec 2015, Indonesia, Universitas Darussalam Gontor, 2015.
- [26] Asma Ismail, Menjajarkan Pelan Strategik USIM ke arah Pengukuhan Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, *Amanat Tahun Baru 2014* (Malaysia: Penerbit USIM, 2014).
- [27] Hj Sarinah binti Hj Yahya, Integrasi Ilmu dalam Kurikulum Pengkhususan Tafsir di Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam, *Proceeding SEIPTI*. International Conference on Integration of Contemporary and Islamic Knowledge in Islamic Universities 12-14 Dec 2015, Indonesia, Universitas Darussalam Gontor, 2015.
- [28] Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran* (Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia, 2007).
- [29] Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran* (Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia, 2007).

## *Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam*

- [30] Mohamad Nasrin Mohamad Nasir, *Al-Quran dan Sains: Penyelidikan di Universiti Tempatan – Kajian Kes Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*, dalam Azizan Baharuddin & Norkumala Awang (Ed.), *Al-Quran & Sains Pemetaan Rintis Penyelidikan* (Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2017).
- [31] Ishak Suliaman, *Melestarikan Fitrah Alam-Manusiawi: Penyelidikan al-Quran dan al-Hadis dengan Sains di Universiti Malaya (UM)*, dalam Azizan Baharuddin & Norkumala Awang (Ed.), *Al-Quran & Sains Pemetaan Rintis Penyelidikan* (Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2017).
- [32] Mohd Yusof Hj Othman. (2017). “Al-Quran dan Sains: Penyelidikan di Universiti Tempatan – Kajian Kes Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)”, dalam Azizan Baharuddin & Norkumala Awang (Ed.), *Al-Quran & Sains Pemetaan Rintis Penyelidikan* (Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2017).
- [33] Sarinah Haji Yahya, Yusfariza Yussop, Artini Haji Timbang, *Pengajian Bidang Tafsir di Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam: Analisis Silibus dari Sudut Menepati Maqasid al-Qur'an dan Kehendak Kontemporari*, in Dr Esam Eltigani Mohamed Ibrahim & Dr Raudlotul Firdaus Fatah Yasin (Ed.), *Revelation & Science in the 21<sup>st</sup> Century* (Malaysia: IIUM Press, 2015).
- [34] Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah, *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin* Damsyiq: Dar al-Qalam, 2012).
- [35] <https://lajnah.kemenag.go.id/berita/137-kajian-tafsir-ilmi> & Ahmad Muttaqin, *Konstruksi Tafsir Ilmi Kemenag RI-LIPI: Melacak Unsur Kepentingan Pemerintah dalam Tafsir, RELIGIA, Vol. 19. No. 2, Oktober 2016*, <http://e-journal.stain-pekalongan.ac.id/index.php/Religia>.
- [36] Khanifatur Rahma, *Al-Bahr fi al-Qur'an: Telaah Tafsir Ilmi Kementerian Agama RI*, disertasi sarjana, Fakultas Ushuluddin,, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia, 2018; Faizin, *Integrasi Agama dan Sains dalam Tafsir Ilmi Kementerian Agama RI, Jurnal Ushuluddin Vol. 25, No. 1, Januari-Jun 2017* & <http://pustakalajnah.kemenag.go.id>.
- [37] Khanifatur Rahma, *Al-Bahr fi al-Qur'an: Telaah Tafsir Ilmi Kementerian Agama RI*, disertasi sarjana, Fakultas Ushuluddin,, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia, 2018.
- [38] Azizan Baharuddin, *Islam Liberalisasi: Isu, Ancaman, Cabaran dan Usaha Membendungnya – Pengalaman Malaysia, Kertas Tema Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali ke-43 Negara-Negara Anggota MABIMS, Bandar Seri Begaqan, Negara Brunei Darussalam, 2018.*
- [39] Azizan Baharuddin, *Islam Liberalisasi: Isu, Ancaman, Cabaran dan Usaha Membendungnya – Pengalaman Malaysia, Kertas Tema Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali ke-43 Negara-Negara Anggota MABIMS, Bandar Seri Begaqan, Negara Brunei Darussalam, 2018.*
- [40] Laporan Akhbar, “Awakening The Ummah” bantu belia melawan anasir jahat. *Pelita Brunei*. 31 Mac 2016.
- [41] Ahmad Baha Mokhtar, Hajah Sarinah Haji Yahya, Abdul Muthalif Afuwardeen, Nurol Halimatul Wara' Haji Mumin, Mohammad Fahmi Haji Matnor & Nurul Amirah Afiqah Khairuddin, *Integrasi Penyelidikan Usuluddin dan Ilmu Sains: Projek Pameran Makmal Sains Usuluddin, Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah (SAPLI 2016)*, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam. 2-3 November 2016.
- [42] Zubairah Zailani, *Al-Tafsir al-'Ilmiyy wa Mada Isti'ab Tullab Jami'at al-Sultan al-Sharif 'Ali al-Islamiyyah Lahu*, latihan ilmiah tahun akhir, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, 2019.
- [43] Nur Liyana Aqilah binti Juni, *Iddat al-Mar'ah wa Tahdid Naw'i al-Janin bayna al-Islam wa al-'Ilm al-Hadith*, disertasi sarjana, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, 2015.
- [44] Eftehan 'Abd al-Fattah al-Zubairi, *Al-Taghziyah fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Mawdhu'iyah*, disertasi sarjana, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, 2017.
- [45] *Kertas Cadangan Jawatankuasa Pandu Penerbitan Tafsir Ilmi Negara MABIMS 2019.*